



1/2

Ruj. Kami : JANM.TAW.900-1 JLD 9(29)

Tarikh : 16 Februari 2022

Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan
Dan Pusat Tanggungjawab (PTJ)
TAWAU, KUNAK, SEMPORNA & LAHAD DATU

Tuan/Puan,

PENETAPAN KOD AKAUN BAGI PEROLEHAN MAKANAN DAN MINUMAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada diatas.

2. Untuk makluman tuan/puan, Jabatan Akauntan Negara Malaysia Cawangan Tawau akan melaksanakan penetapan Kod Akaun bagi Perolehan Makanan dan Minuman mengikut tujuan utama perolehan makanan dan minuman yang dilaksanakan oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ). Penyeragaman Kod Akaun (CAA) Zon Sabah dan penetapan ini adalah berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia – Perbelanjaan Kod Hasil Dan Perbelanjaan PS 1.1.

3. Senarai Kod Akaun bagi Perolehan Makanan dan Minuman serta tujuan perolehan adalah seperti berikut:-

Kod Akaun	Catatan
B0229411	Penyediaan makanan untuk Mesyuarat Dalaman (Termasuk antara Kakitangan, Pertubuhan dan Agensi Kerajaan yang lain).
B0229401	Penyediaan makanan untuk jemputan orang luar / penceramah luar / melibatkan kursus / taklimat / majlis melibatkan bukan kakitangan awam.
B0229126	Perkhidmatan persediaan makanan kursus / latihan / bengkel / seminar / taklimat (berkaitan dengan pembelajaran / <i>knowledge sharing</i>) termasuk jamuan untuk majlis rasmi jabatan. Peserta kursus adalah kakitangan awam sahaja atau peserta kursus terdiri daripada kakitangan awam dan orang awam.

2/2
Ruj. Kami : JANM.TAW.900-1 JLD 9(29)
Tarikh : 16 Februari 2022

4. Sehubungan dengan itu, pihak tuan/puan hendaklah menyatakan perihal perolehan dengan **tepat dan jelas** berserta tarikh program seperti contoh berikut:-

“Mesyuarat Pengurusan Bersama Kakitangan JANM Cawangan Tawau Bilangan 1 Tahun 2022 pada 19 Januari 2022”.

5. Pelaksanaan penetapan Kod Akaun yang terlibat akan berkuatkuasa pada **16 Februari 2022**. Kerjasama dan perhatian tuan/puan dalam mematuhi pekeliling dan peraturan kewangan yang sedang berkuatkuasa amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

‘Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul’

Saya yang menjalankan amanah,



(MUHAMMAD AIMAN BIN OMAR)

Timbalan Pengarah Pemantauan

b.p Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Cawangan Tawau.